

## **Pemberontakan Weston 1962**

### **ABSTRACT**

Kajian mengenai Pemberontakan Weston memfokus peristiwa yang berlaku pada tahun 1962 rentetan daripada cadangan pembentukan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman. Pemberontakan ini dicetuskan oleh Partai Rakyat Brunei (PRB) pimpinan A.M. Azahari dan mendapat sokongan daripada kawasan Weston, Sabah. Kajian ini ingin menjelaskan peristiwa tersebut daripada asal mula konflik dan situasi yang berlaku di Sipitang-Weston dan Brunei secara kronologi. Kajian mengenai peristiwa ini kurang ditonjolkan dalam penulisan sejarah Sabah, sebagai salah satu reaksi terhadap pembentukan Malaysia. Kajian bergantung terhadap sumber primer, seperti akhbar dan beberapa sumber laporan siasatan. Kajian ini turut menggunakan sejarah lisan untuk mendapatkan maklumat yang sahih tentang realiti peristiwa ini, terutamanya saksi proto yang terlibat, sama ada berpihak kepada Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) atau pihak kerajaan. Ringkasnya, pemberontakan ini berakar umbi dari peristiwa Pemberontakan Brunei pada 8 Disember yang akhirnya memberi peluang kepada Sultan Brunei untuk menegakkan monarki mutlak dan menafikan pembentukan Malaysia.